

TEORI DAN MODEL BERKENAAN DENGAN BUDAYA FORMAL SEKOLAH

Azizi Bin Yahaya & Nurfaizah Binti Abd Majid

Fakulti Pendidikan,

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak

Dalam mengkaji budaya formal sekolah kita perlu melihat sekolah sebagai satu organisasi sosial yang mempunyai struktur birokrasinya yang tersendiri. Para pelajar dikumpulkan di dalam kelas mengikut pencapaian akademik dan guru-guru pula telah menerima latihan mengikut pengkhususan. Terdapat beberapa teori dan model berkenaan dengan budaya formal sekolah.

Katakunci: budaya formal, model, teori.

Pengenalan

Menurut Mohd Salleh (1997), menyatakan bahawa budaya ialah kelakuan manusia berdasarkan kelompok-kelompok tertentu yang merangkumi dari aspek pemikiran, sikap, kepercayaan dan tindakan kebiasaan yang menggambarkan cara hidup mereka. Dalam konteks budaya sekolah, memang terdapat juga peraturan-peraturan tertentu bagi memastikan para pelajar mendapat pencapaian yang baik dalam bidang akademik dan memastikan para pelajar sentiasa dalam keadaan sihat.

Menurut Mok (2002), budaya merupakan apa yang terkandung dalam diri individu hasil dari pengalaman interaksi sosial dengan masyarakat sekeliling. Budaya sebagai proses sosial telah memberi peluang kepada para guru untuk membentuk budaya melalui interaksi dengan pelajarnya. Justeru itu, budaya sekolah merupakan sebahagian budaya masyarakat kerana sekolah itu lahir daripada keperluan masyarakat. Semua pelajar sekolah harus terus didedahkan kepada norma, nilai dan bahasa yang akan mencorak masa depan mereka. Pendidikan adalah nilai yang amat diutamakan. Maka pembudayaan di sekolah dilaksanakan menerusi kurikulum formal dan kurikulum tidak formal.

1. Model OHI (*Organization Health Inventory*)

Kajian tentang sekolah yang sihat juga merupakan satu rangka kerja yang dapat memberi gambaran tentang iklim sekolah. Menurut Hoy dan Miskel (1996), mendefinisikan bahawa sekolah yang sihat adalah sekolah yang hidup dalam persekitarannya tetapi boleh mengadaptasi dalam jangka masa yang panjang dan berkembang.

Ini bermakna sekolah yang sihat berjaya mengurus tekanan dari luar dan berkesan menggunakan tenaga yang ada untuk memahami objektif dan organisasi. Sekolah yang sihat perlu berjaya dalam menyelesaikan masalah luaran seperti konflik ibu bapa untuk mendapatkan sumber, dapat mengekalkan kestabilan di dalam sistem dan berusaha untuk menetap dan mengekalkan matlamat serta membentuk dan mengekalkan keunikan nilai.

2. Model Iklim Organisasi

Model Iklim Organisasi ini dipelopori oleh Payne dan Pugh (1976). Model ini memperlihatkan fakta-fakta asas dalam mempengaruhi struktur dan iklim organisasi. Model ini mengandungi 5 kumpulan

asas iaitu terdiri daripada konteks organisasi, struktur organisasi, iklim organisasi, individu dan persekitaran individu. Organisasi ini terletak dalam konteks persekitaran kebudayaan dan ekonomi serta merangkumi aspek-aspek ekonomi, politik, sosial dan ciri-ciri penempatan. Secara tidak langsung, semua aspek dalam persekitaran kebudayaan dan ekonomi boleh mempengaruhi kelima-lima komponen tersebut.

Model ini menunjukkan bahawa struktur organisasi dan iklim organisasi saling mempengaruhi dan merupakan perhubungan dua hala. Iklim organisasi atau dengan kata lain budaya organisasi itu akan mempengaruhi individu dari segi tingkah laku dan ciri-ciri perbandingan seperti personaliti, keinginan, kebolehan, kepuasan, matlamat dan pencapaian. Dalam konteks pendidikan, budaya formal sekolah sedikit sebanyak mempengaruhi para pelajar.

3. Model Organisasi Berkesan (*Organizational Effectiveness Model*)

Kajian yang lebih sistematik dijalankan oleh Mott (1972), yang dipetik oleh Hoy dan Miskel (2001). Model ini digunakan sebagai model kajian. Dalam model ini, beberapa perkara penting iaitu kuantiti produk, kualiti produk, ketepatan, kebolehsuaian dan fleksibel. Maka lima kriteria ini adalah penting untuk mendefinisikan tentang kebolehan sesuatu organisasi untuk menggerakkan kuasa pusat untuk mencapai matlamat dan membuat pengubahsuaian. Sekolah yang berkesan akan menghasilkan pelajar yang mempunyai keputusan yang baik dan melahirkan perlakuan pelajar yang positif iaini para pelajar yang dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran dan boleh berhadapan dengan masalah yang timbul. Justeru itu, sekolah yang efektif adalah sekolah yang berjaya mewujudkan budaya formal sekolah yang positif dan sihat. Model ini menekankan tentang hasil yang positif terhadap pelajar. Output atau hasil akhir dalam model ini adalah lebih komprehensif secara teori untuk mendefinisikan kualiti dan keberkesanan sekolah.

Rujukan

Mohd Salleh Lebar (1997). *Sosiologi Sekolah dan Pendidikan*. Selangor: Thinker's library.

Mok Soon Sang (2002). *Pendidikan Di Malaysia Untuk Kursus Diploma Perguruan Semester Dua*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn Bhd